

UMS berjaya dapat pengiktirafan antarabangsa selepas sedekad, kata naib canselor.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya meraih reputasi antarabangsa di kalangan universiti di rantau ini sekalipun ia merupakan sebuah universiti agak baru, kata naib canselornya Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon.

Beliau berkata dalam tempoh lebih sedikit 10 tahun, UMS telah berkembang dari beberapa ratus pelajar saja kepada sekitar 13,000 dengan sesetengah mereka dari peringkat antarabangsa.

“Perantarabangsaan adalah matlamat nasional sistem pendidikan kami. Di UMS, ini dilihat pada kerjasama aktif dalam program

penyelidikan dan pembelajaran dengan universiti-universiti di serata dunia.

“Di pusat pengajian Sains Sosial, kerjasama penyelidikan dan pembelajaran dijalankan secara aktif dengan universiti lain di rantau ini,” kata beliau.

Kamaruzaman menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya pada Persidangan Persatuan Sosiologi Asia Pasifik (APSA 2010), di sini kelmarin.

Beliau berkata hubungan dengan APSA dan University of Wollongong (UoW) menunjukkan hubungan aktif yang sedang berjalan antara UMS dengan institusi pengajian tinggi lain di Asia Pasifik.